

Blaze of Hope dedah mahasiswa UTHM ilmu berkaitan penyakit kanser

BATU PAHAT - Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberi pendedahan mengenai kanser dan kaedah perubatan yang berkaitan dengannya.

Program dinamakan 'Blaze of Hope' itu mendapat kerjasama Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) UTHM dan Yayasan Tunku Laksamana Johor (YKTLJ), melibatkan 70 mahasiswa yang mengambil kursus Pengucapan Awam.

Peneraju program, Aizad Arief Ansarullah berkata, program itu turut mendapat penyertaan daripada Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKT), Sri Gading.

Menurutnya, ceramah disampaikan Ketua Jawatankuasa Teknikal YKTLJ, Dr Roslan Haron,



Sebahagian penuntut UTHM yang terlibat dalam program Blaze of Hope, baru-baru ini.

selain perkongsian pengalaman beberapa pesakit kanser.

"Sebenarnya program 'Blaze of Hope' ini merupakan salah satu daripada Fiesta Kokurikulum UTHM, yang diadakan untuk memastikan pelajar aktif dalam bi-

dang kokurikulum dan tidak hanya tertumpu kepada akademik semata-mata.

"Kita mahu setiap pelajar aktif dan cemerlang dalam kedua-duanya. Ini kerana dalam industri pekerjaan, majikan bukan melihat

kecemerlangan dalam kelas sahaja tetapi keupayaan melakukan kerja," katanya.

Beliau berkata, dalam program berkenaan, peserta didedahkan dengan pengenalan YKTLJ, jenis kanser yang berbahaya serta peng-

alamian Dr Roslan sendiri yang berhadapan dengan pesakit kanser.

Katanya, turut diadakan pameran berkaitan kanser dan gerai jualan oleh penuntut UTHM yang menjual makanan, cenderahati serta hasil kreatif masing-masing.